

27 JAN 2001

Malaysia-India

MALAYSIA BANTU US\$100,000 UNTUK MANGSA GEMPA BUMI INDIA

KUALA LUMPUR, 27 Jan (Bernama) -- Malaysia menawarkan bantuan US\$100,000 (RM380,000) untuk mangsa gempa bumi India yang setakat ini telah mengorbankan sehingga 15,000 penduduk di Gujarat, di wilayah barat negara itu.

Malaysia juga menawarkan menghantar pasukan SMART, sebuah unit yang pakar dan terlatih dalam operasi penyelamat, ke Gujarat bagi membantu pihak berkuasa India dan badan-badan sukarela lain melakukan operasi mencari dan menyelamatkan.

Pasukan itu akan berlepas ke India sebaik mendapat kelulusan daripada kerajaan India, kata Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar dalam satu kenyataan di sini, hari ini.

Beliau berkata tiada laporan mengenai rakyat Malaysia terbabit dalam tragedi itu yang berlaku pada hari Jumaat.

Beliau juga berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, telah menghantar perutusan takziah kepada rakan sejawatannya, Atal Bihari Vajpayee, bagi pihak kerajaan dan rakyat Malaysia.

Syed Hamid juga berkata beliau telah menghantar perutusan yang sama kepada rakan sejawatannya, Jaswant Singh.

"Saya ingin menyampaikan takziah dan simpati yang amat sangat kepada keluarga mangsa yang telah kehilangan orang yang tersayang. Kami berdoa dan berharap kerajaan dan rakyat India mempunyai kekuatan dalam menghadapi peristiwa malang ini," kata beliau.

-- BERNAMA

DC ZB